

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN PAMERAN DAN JUALAN LUKISAN "ALAM SEMULAJADI MALAYSIA" HONGKONG BANK
Lokasi : GALERI I, CITY SQUARE, KUALA LUMPUR
Tarikh : 20-08-1991

Mr. David Eldon, Ketua Pegawai Eksekutif, Hongkong Bank; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan, Saya merasa sukacita kerana diberi penghormatan untuk merasmikan pameran dan jualan lukisan "Alam Semulajadi Malaysia" tajaan Hongkong Bank pada petang ini, dan bertemu dengan para pelukis berbakat dari tanah air kita sendiri, yang menjayakan pameran ini.

2. Pandangan umum terhadap pelukis berbeza-beza. Ada yang tidak berminat tentang kerjaya mereka dan tidak kurang pula yang mengkagumi kerja-kerja mereka. Masyarakat umum juga rata-rata kurang memahami jiwa mereka, namun mereka kagum kerana keupayaan pelukis-pelukis menghayati dan merakamkan warna-warna kehidupan di atas kanvas.

3. Mungkin juga bagi sesetengah orang, pelukis hanya merupakan seorang tukang cat. Tetapi pada hakikatnya, pelukis yang baik adalah sangat jauh berbeza daripada itu.

Pelukis adalah ahli sejarah dan duta. Mereka boleh disifatkan sebagai ahli sejarah kerana menerusi lukisan, mereka merakamkan berbagai aspek pembangunan negara, kebudayaan dan sejarahnya, dan dengan demikian meninggalkan warisan untuk dihayati dan dinikmati oleh generasi akan datang.

4. Pelukis juga boleh dianggap duta kerana hasil ciptaan dan lukisan mereka membantu memupuk persefahaman yang lebih baik, melampaui sempadan politik dan budaya. Seperti kata pujangga, sebuah lukisan lebih bermakna daripada seribu perkataan.

5. Saya diberitahu, bahawa semua lukisan yang dipamerkan di sini berciri alam semulajadi Malaysia yang juga menjadi tema pelancongan negara kita pada tahun ini. Setiap lukisan yang ada di sini menggambarkan satu aspek keindahan tumbuh-tumbuhan dan kekayaan alam semulajadi negara kita.

Keindahan alam semulajadi negara ini merangkumi timbangan yang unik di antara ciptaan manusia dan alam sekitar semulajadinya. Kita sering membuat kesilapan dengan menekankan kemajuan ciptaan manusia semata-mata. Kerana itu, saya gembira apabila sektor swasta berganding bahu dengan Kerajaan untuk memperkenalkan keindahan alam semulajadi Malaysia dengan menganjurkan acara-acara seperti ini.

6. Umumnya pameran lukisan bukan sahaja meningkatkan kesedaran terhadap warisan semulajadi kita, tetapi lebih penting ia menanamkan semangat bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan perlunya memelihara warisan semulajadi ini untuk anak-anak kita dan generasi akan datang. Dalam hal ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Hongkong Bank kerana membantu dalam usaha alam sekitar. Syabas dan teruskanlah usaha murni ini. Saya juga berharap pihak-pihak lain akan mencontohi langkah Hongkong Bank ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Saya difahamkan bahawa sebahagian daripada hasil jualan setiap lukisan dipamerkan ini akan disumbangkan kepada sebuah pertubuhan kebajikan; dan saya telah diminta memilih pertubuhan berkenaan. Saya berharap wang dikutip dari jualan ini dapat disumbangkan kepada (nama pertubuhan) kerana (sebab-sebab). Saya merayu wakil-wakil syarikat yang hadir di upacara ini menyokong usaha murni ini.

8. Akhir kata, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan pameran dan jualan lukisan, "Alam semulajadi Malaysia" Hong Kong Bank dibuka dengan rasminya.

Terima kasih.
